

## ISU DAN CADANGAN PENGGUNAAN TELEFON PINTAR BAGI KESEJAHTERAAN EMOSI KANAK-KANAK MASALAH PEMBELAJARAN: SUATU PANDANGAN IBU BAPA

*Issues and recommendations of the use of smart phones for the emotional well-being of children with learning disabilities: a parent's viewpoint*

Rohaizat Ibrahim\*, Fauzah Hanis Hamdan

Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia\*

[rohaizat82@yahoo.com](mailto:rohaizat82@yahoo.com)\*, [hanishamdan56@gmail.com](mailto:hanishamdan56@gmail.com)

\*Corresponding Author

**Received:** 07 August 2023; **Accepted:** 18 October 2023; **Published:** 19 October 2023

**To cite this article (APA):** Ibrahim, R., & Hamdan, F. H. (2023). Issues and recommendations of the use of smart phones for the emotional well-being of children with learning disabilities: a parent's viewpoint. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 13–17. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.2.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.2.2023>

### ABSTRAK

Sejajar dengan perkembangan dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), telefon pintar merupakan satu peralatan elektronik yang amat penting dalam kehidupan sehari-hari. Namun begitu, pandangan ibu bapa terhadap penggunaan telefon pintar bagi kesejahteraan emosi kanak-kanak terutamanya kanak-kanak Masalah Pembelajaran (LD) masih kurang dikaji. Sehubungan dengan itu, kertas konsep ini bertujuan untuk memperincikan tentang isu penggunaan telefon pintar bagi kesejahteraan emosi kanak-kanak LD terutama semasa mereka melayari internet dari sudut pandangan ibu bapa. Cadangan penyelesaian terhadap masalah yang dikenalpasti dalam penggunaan telefon pintar juga turut dibincangkan secara teliti dalam kertas konsep ini berdasarkan kepada kajian-kajian lepas.

**Kata kunci:** ibu bapa, kesejahteraan emosi, murid masalah pembelajaran, telefon pintar.

### ABSTRACT

*In line with developments in Information and Communication Technology (ICT), smartphones are essential electronic devices in everyday life. However, parents' views on the use of smartphones for the emotional well-being of children, especially children with Learning Disabilities (LD), are still understudied. To that, this concept paper aims to detail the issue of smartphone use for the emotional well-being of LD children, especially when they surf the internet from a parent's point of view. Proposed solutions to the problems identified using smartphones are also carefully discussed in this concept paper based on past studies.*

**Keywords:** parents, emotional well being, children with learning disabilities, smart phone

## PENDAHULUAN

Kesejahteraan emosi memainkan peranan penting bagi setiap kanak-kanak termasuklah kanak-kanak yang telah disahkan sebagai kanak-kanak Masalah Pembelajaran (LD). Malah, ia juga merupakan salah satu faktor untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak bagi memastikan mereka seimbang dan harmonis seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025) di negara ini.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2021) telah mendefinisikan kanak-kanak LD sebagai individu yang mempunyai masalah kecerdasan otak serta tidak selaras dengan usia biologikalnya. Antara kanak-kanak yang dikategorikan sebagai LD adalah Global Developmental Delay (GDD), Sindrom Down, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD), Autisme, Intelektual dan Specific Learning Disability. Bilangan kanak-kanak LD ini semakin meningkat. Ini turut diperakui apabila data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2020 adalah seramai 100,151 telah bertambah menjadi 111,018 orang kanak-kanak yang telah disahkan sebagai kanak-kanak LD di Malaysia.

Walaupun peningkatan enrolmen ini mengagumkan kerana turut menunjukkan bahawa berlakunya kesedaran ibu bapa terhadap kanak-kanak LD namun kajian yang dijalankan oleh pengkaji tempatan terhadap kanak-kanak LD masih lagi didominasi oleh isu yang sama iaitu pandangan guru terhadap proses pembelajaran (Nawawi et. al 2023, Rasmitadila et. al 2022) berbanding dengan pandangan ibu bapa atau kanak-kanak LD itu sendiri. Maka, kertas konsep ini memberi tumpuan terhadap isu penggunaan telefon pintar bagi kesejahteraan emosi kanak-kanak LD dari sudut pandangan ibu bapa.

## ISU PENGGUNAAN TELEFON PINTAR

### Ketagihan Telefon Pintar

Isu/1ketagihan/1telefon/1pintar/1dalam negara/1ini/1mula membimbangkan. Ini memandangkan majoriti kanak-kanak LD sudah mula/1menggunakannya/1dalam/1kehidupan/1seharian/1mereka. Ketagihan menggunakan telefon pintar semasa melayari internet telah menyebabkan ibu bapa sukar untuk mengawal tantrum kanak-kanak LD. Tantrum bagi kanak-kanak LD adalah sesuatu yang normal namun ibu bapa sukar untuk mengawalnya sekiranya kanak-kanak LD merasa marah, kecewa serta melakukan tingkah laku yang mencabar. Selvam dan Toran (2021) telah menjalankan kajian mengenai persepsi guru terhadap penggunaan gajet dan hubungannya dengan perkembangan murid autisme. Dapatkan kajian menunjukkan guru berpandangan/1bahawa ibu bapa tidak dapat mengawal tantrum kanak-kanak autism sekiranya tidak diberikan telefon pintar semasa mereka pergi ke sekolah. Malah, kawalan tantrum semakin sukar apabila kanak-kanak LD ini menjerit, menangis, menendang atau berkelakuan ganas sehingga ibu bapa terpaksa membuat perjanjian untuk memberikan telefon pintar selesai sahaja tamat waktu persekolahan. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa ibu bapa kanak-kanak LD tidak berkeupayaan untuk mengendalikan emosi anak mereka.

Ini mengukuhkan lagi dapatkan kajian Hamdan (2023). Mereka mendapati bahawa ibu bapa bersetuju bahawa telefon pintar boleh mempengaruhi emosi kanak-kanak LD. Maka, wujud keperluan untuk mengatasi masalah ini supaya kanak-kanak LD ini tidak ketagihan telefon pintar.

Seterusnya, kajian bagi mengenalpasti kesan penggunaan terhadap kanak-kanak semasa pengajaran dan pembelajaran dalam norma baru telah dijalankan oleh Mat dan Zain (2022). Walaupun kajian mereka ini memberi fokus kepada kanak-kanak tipikal di prasekolah namun dapatan kajian turut mendapati bahawa kanak-kanak yang terlalu obses dengan penggunaan telefon pintar boleh membawa kepada terjadinya tantrum. Hasil kajian ini jelas membuktikan bahawa tiada perbezaan kesan penggunaan telefon pintar bagi kanak-kanak LD dan kanak-kanak tipikal.

### **Nomofobia**

Nomofobia adalah satu emosi takut atau bimbang yang dialami oleh seseorang individu apabila telefon bimbit tiada bersama dengan mereka (Kanmani, Bhavani & Maragatham, 2017). Pada tahun 2020, Shin dan Ali telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti tahap nomofobia dalam kalangan kanak-kanak LD. Kajian mereka mendapati bahawa kesemua responden iaitu seramai 285 orang kanak-kanak LD mengalami nomofobia dan majoriti kanak-kanak LD tersebut mengalami nomofobia tahap sederhana. Hasilnya, kanak-kanak LD lebih menggemari interaksi melalui telefon, berasa tidak selesa serta mengalami kegelisahan dan menjelaskan aktiviti sehari-hari mereka. Berdasarkan dapatan ini, mereka telah mencadangkan agar masalah ini diberi perhatian yang serius supaya tidak semakin menular dalam kalangan kanak-kanak LD.

Seterusnya, Glumbić et al. (2020) telah menjalankan kajian berkaitan dengan masalah penggunaan telefon pintar dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya intelektual. Seramai 594 orang kanak-kanak tipikal dan 35 orang kanak-kanak kurang upaya intelektual yang terlibat dalam kajian mereka telah menggunakan telefon pintar tanpa pengawasan ibu bapa. Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menggunakan telefon pintar secara berlebihan bukan sahaja boleh mengalami nomofobia tetapi juga memiliki estem diri yang rendah serta tahap kesepian yang tinggi. Tambah mereka lagi, masalah ini boleh menjadi lebih teruk sekiranya kanak-kanak itu adalah perempuan serta telah disahkan sebagai kanak-kanak kurang upaya intelektual.

Walaupun kajian Glumbić dan rakannya berfokus kepada kanak-kanak kurang upaya intelektual namun kajian ini juga boleh dirujuk kepada kanak-kanak kurang upaya yang lain termasuklah kanak-kanak LD.

## **CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

### **Ketagihan Penggunaan Telefon Pintar**

Dalam mengatasi isu ketagihan penggunaan telefon pintar, kajian lepas bersetuju bahawa ibu bapa LD perlu mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif./1Gaya keibubapaan autoritatif merupakan satu kaedah yang mengintegrasikan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dan ibubapa bagi menghasilkan individu yang berdikari dan cekap dalam semua perkara. Dapatan ini selari dengan kajian terkini oleh Husin et. al (2023) yang menunjukkan bahawa kanak-kanak LD tidak kerap sedih, marah atau mengamuk sekiranya tidak diberikan peranti teknologi digital. Mereka turut percaya bahawa gaya keibubapaan ini dapat membantu kanak-kanak LD untuk mengurus emosi mereka.

Seterusnya, kertas konsep ini turut mencadangkan agar kaedah social story diberikan kepada kanak-kanak LD. Melalui pendekatan ini, tantrum kanak-kanak LD dapat/dikurangkan. Keperluan ini selari dengan pandangan Rohayati (2020) yang menyatakan bahawa karya sastera seperti social story juga boleh dijadikan sebagai satu medium bagi mempengaruhi emosi kanak-kanak termasuklah kanak-kanak LD. Ia juga berfungsi bagi menyampaikan maklumat secara berkesan serta dapat mempengaruhi emosi kanak-kanak (Arba'ie Sujud & Nik Rafidah, 2011). Secara tidak langsung, tindakan ini juga dapat mengelakkan kanak-kanak LD daripada ketagihan menggunakan telefon pintar yang boleh membawa berlakunya nomofobia.

### **Nomofobia**

Bagi mengelakkan nomofobia, kertas konsep ini mencadangkan agar ada kawalan oleh ibu bapa untuk menggunakan telefon pintar bagi kanak-kanak LD terutama semasa mereka melayari internet. Contohnya, ibu bapa boleh membenarkan penggunaan telefon pintar kepada anak mereka hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja dalam sehari semasa mereka melayari internet. Selain itu, sokongan ibu bapa untuk kanak-kanak LD menggunakan telefon pintar bagi mengakses maklumat yang berfaedah juga amat penting agar mereka tidak lalai sehingga berlakunya nomofobia.

Selain itu, kertas konsep ini turut mencadangkan agar pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk mencari pelan tindakan yang strategik bagi membantu kanak-kanak LD mengatasi kesukaran serta cabaran dalam dunia pembelajaran digital. Keperluan ini selari dengan pandangan Fatma et. al (2023) bahawa pentingnya pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil berat berkaitan isu ini kerana terdapat hubungan yang rapat antara ketagihan telefon pintar dengan kemurungan, kebimbangan, anxiety serta nomofobia.

### **KESIMPULAN**

Penggunaan telefon pintar yang berlebihan boleh memberi kesan yang negatif terhadap kesejahteraan emosi kanak-kanak LD. Dalam masa yang sama, banyak kajian yang menunjukkan bahawa telefon pintar merupakan peranti yang biasa digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak LD. Maka, kertas konsep ini adalah penting untuk memahami isu serta memperoleh cadangan berdasarkan kepada kajian-kajian lepas untuk memastikan kesejahteraan emosi kanak-kanak LD terjaga.

### **RUJUKAN**

- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, (2011) Pembentukan emosi kanak- kanak melalui bahan bacaan sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22, 66-89.
- Glumbić, N., Brojčin, B., Žunić-Pavlović, V., & Đorđević, M. (2020). Problematic mobile phone use among adolescents with mild intellectual disability. *Psihologija*, 53(4), 359-376.
- Hamdan, H. F. Persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon bimbit kepada emosi Murid Masalah Pembelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puncak Jalil, Selangor. [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Husin, F. N. C., Yasin, M. H. M., & Surat, S. Gaya Keibubapaan Dan Ketagihan Penggunaan Peranti Teknologi Digital Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM)*. 1 (1), 43-52.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. Laporan Statistik 2021. OMR Press Sdn. Berhad. Selangor.
- Kanmani, A.S., Bhavani, U., & Maragatham, R.S. (2017). NOMOFOBIA – An insight into its psychological aspects in India. *The International Journal of Indian Psychology*, 4(2), 5-15.
- Mat, H., & Zain, A. (2022). The effects of gadget use on children during teaching and learning in new norms. *Jurnal*

- Pendidikan Bitara UPSI, 15, 29-37. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.4.2022>.
- Nawawi, M. N., & Yasin, M. H. M. (2023). Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Sekolah Rendah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di Daerah Klang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 26-38.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rasmitadila, R., Megan Asri, H., & Reza, R. (2022). Teachers' Perceptions of the Role of Universities in Mentoring Programs for Inclusive Elementary Schools: A Case Study in Indonesia. *Journal of Education and e-Learning Research*, 8(3), 333-339.
- Rohayati Junaidi, (2020) Persekutaran yang membentuk modal insan dalam novel kanak-kanak. *MANU*, 31 (1), 97-119.
- Selvam, M. P., & Toran, H. (2021). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Gajet Dan Hubungannya Dengan Perkembangan Murid Autisme Di Sekolah Rendah Daerah Gombak, Selangor [Teachers' perception On Students With Autisms' use Of Gadgets And Its Relationship With Their Development In Primary...]. *Global Journal Of Educational Research And Management*, 1(2), 115-129.
- Shin, T. L., & Ali, M. M. (2020). Penggunaan telefon pintar dan tahap nomofobia dalam kalangan murid berkeperluan khas di sekolah menengah (Smartphone usage and nomofobia level among special needs students in secondary schools). *Geografi*, 16(4).